

19/08/1999

PM dapat pengiktirafan 'kawan baik rakyat China'

Mustapa Omar in Beijing

BEIJING, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, diberi penghormatan sebagai 'kawan baik rakyat China' berdasarkan sumbangan yang diberikan dalam usaha menggalakkan hubungan dan kerjasama antara negara itu dan Malaysia.

Perdana Menteri China, Zhu Rongji, berkata Dr Mahathir juga banyak berjasa dalam mengeratkan lagi persahabatan antara rakyat serta pemimpin kedua-dua negara.

"Kedatangan beliau bersama pemimpin tinggi Malaysia ke sini menunjukkan betapa pentingnya hubungan di antara Malaysia dan China," katanya pada pertemuan dengan Dr Mahathir di sini, hari ini.

Dalam ucapan balasnya, Dr Mahathir berkata, China menunjukkan perubahan ketara dalam pembangunannya dan Malaysia sentiasa mengikuti perkembangan itu.

"Setiap kali saya datang ke sini, saya dapat melihat perubahan pesat yang dialami negara ini dan rakyatnya. Kita juga menganggap China sebagai rakan baik kita dalam perdagangan dan pelaburan," katanya.

Lawatan kali ini adalah yang kelima. Kali terakhir Dr Mahathir melawat China ialah pada 1996. Perdana Menteri berada di sini dalam rangka lawatan tiga hari bermula hari ini.

Esok beliau dijangka menemui Presiden Ziang Jemin di Dalian, sebelum menyampaikan ucap-tama di Forum Malaysia-China Ketiga pada tengah hari.

Pada sebelah malam, Dr Mahathir akan menghadiri Malam Persahabatan sempena ulang tahun ke-25 hubungan diplomatik Malaysia-China diasaskan pada Mei 1974 ketika lawatan Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri ketika itu.

Ketibaan Dr Mahathir dan rombongan di lapangan terbang lama di sini kira-kira jam 2 petang, disambut Timbalan Menteri Luar China, Yang Wenchang; Duta Besar China ke Malaysia, Guang Denming dan Duta Besar Malaysia di sini, Datuk Abdul Majid Ahmad Khan.

Turut dalam rombongan itu Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Menteri Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Pertahanan, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha dan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yeik.

Sementara itu, Syed Hamid berkata antara isu dua hala yang dibincangkan ialah mengenai cadangan Malaysia membuka pejabat Konsul Jeneral baru di Shanghai.

Katanya, China bersetuju cadangan berkenaan dan negara itu juga menyatakan hasrat untuk membuka pejabat konsulatnya di beberapa bandar utama di Malaysia.

"Kita juga menimbang untuk membuka satu lagi pejabat konsulat di Kunming dan pihak kementerian akan mengemukakan permohonan kepada Kerajaan China tidak lama lagi," katanya kepada wartawan Malaysia di sini, petang ini.

Beliau berkata, kedua-dua pemimpin juga turut membincangkan mengenai langkah untuk memudahkan perjalanan rakyat China ke Malaysia termasuk cadangan membenarkan pengeluaran visa di semua pintu masuk ke Malaysia.

"Bagaimanapun, perkara itu perlu dibincangkan lebih lanjut di peringkat pegawai kedua-dua negara kerana China mempunyai peraturan sendiri termasuk pelaksanaan visa keluar," katanya.

Mengenai isu serantau, Syed Hamid berkata, Dr Mahathir dan Rongji bersetuju kod tatalaku mengenai Laut China Selatan perlu diputus berasaskan persetujuan di kalangan negara Asean dan China, tanpa

membabitkan negara lain.

"Pendirian Malaysia dan China adalah sama iaitu kita tidak percaya ada ketegangan di Laut China Selatan dan pada masa sama kita mahu melihat ada peraturan untuk mengelakkan kemungkinan berlaku apa-apa ketegangan," katanya.

Beliau berkata, Dr Mahathir juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan China kerana pembabitan saintisnya sebagai Ahli Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC).

Perdana Menteri juga menyatakan terima kasih kepada Kerajaan China kerana tidak menilai semula mata wangnya, yuan, yang sekali gus membantu menyelamatkan ekonomi Asia Timur daripada krisis kewangan lebih meruncing.

Ini kerana pemulihan ekonomi Asia Timur banyak bergantung kepada keputusan Beijing itu.

Dalam pertemuan itu, Dr Mahathir turut menjelaskan mengenai tindakan ekonomi yang diambil Malaysia bagi menangani krisis kewangan, termasuk melaksanakan kawalan modal berpilih.

Sementara itu, Rongji pula memberikan penerangan dan penjelasan mengenai kedudukan ekonomi republik itu.

Syed Hamid berkata, pada akhir perbincangan, kedua-dua pemimpin bersetuju untuk terus meningkatkan usaha dan bekerjasama dalam bidang ekonomi, perdagangan dan pelaburan.

"Malaysia menyatakan minat untuk membekalkan gas cecair asli (LNG) ke China, manakala negara itu pula berminat melabur dalam bidang tenaga dan kereta api di Malaysia," katanya.

(END)